



SIARAN MEDIA

PENJUALAN PERMIT TAPAK PERNIAGAAN THAIPUSAM 2019

Majlis Perbandaran Selayang akan mengadakan penjualan permit dan undian tapak niaga Thaipusam seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 17 Januari 2019 (Khamis)
Tempat : Dewan Beringin, Taman Sri Gombak, Batu Caves
Masa : 9.00 Pagi – 1.00 Tengahari

Pada tahun ini sebanyak 286 petak ditawarkan dengan keluasan 7 x 7 kaki dimana 150 petak adalah untuk perniagaan biasa (kering dan makanan & minuman) dengan kadar RM150 manakala perniagaan gunting rambut dengan kadar RM200. Tiada kadar harga dikenakan bagi penjaja bergerak untuk penjualan permit pada hari undian petak.

Pada tahun ini juga, MPS meneruskan konsep *Hotspot* di mana petak ini berlokasi di kawasan tumpuan pengunjung dengan keluasan 10 x 10 kaki. Sebanyak 90 petak *Hotspot* telah dikenalpasti. *Hotspot* bagi perniagaan biasa (kering dan makanan & minuman) akan dikenakan bayaran dengan kadar RM500 manakala perniagaan gunting rambut dengan kadar RM600. Tempoh kelulusan kesemua permit yang dikeluarkan adalah selama 5 hari bermula dari 19 hingga 23 Januari 2019.

Pemohon permit petak niaga Thaipusam yang menjual makanan dan minuman diwajibkan untuk memiliki Sijil Kursus Pengendalian Makanan bagi pemohon dan pembantu selain pengesahan pemeriksaan kesihatan serta

Suntikan TY2 (Tifoid). Untuk perniagaan gunting rambut, peniaga perlu memiliki Sijil Pemeriksaan Kesihatan (Hepatitis B, HIV & TIBI)

Penjaja diharapkan dapat mengekalkan tahap kebersihan persekitaran serta mutu makanan yang dijual bagi mengelakkan sebarang isu yang tidak diingini seperti isu berkaitan kesihatan termasuk penyakit berjangkit. MPS juga melarang peniaga menggunakan sebarang bentuk bekas makanan/ minuman daripada polisterina sepanjang tempoh jualan.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh
MOHAMAD ZIN MASOAD A.M.S.
Pengarah Jabatan Korporat
b/p Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5824

Tarikh Dikeluarkan :16 Januari 2019

JADUAL KADAR HARGA PETAK PERNIAGAAN BAGI PERAYAAN THAIPUSAM 2019

Jenis Permit	Harga Pada Hari Undian Petak (17/01/2019)	Harga Di Pejabat (18/01/2019)	Harga di Tapak (19/01/2019)
Perniagaan Biasa (kering dan makanan & minuman)	RM150.00	RM 250.00	RM 300.00
Gunting Rambut	RM 200.00	RM 300.00	RM 400.00
Penjaja Bergerak	-	-	RM 50.00
Hotspot- Perniagaan Biasa (kering dan makanan & minuman)	RM 500.00	RM 600.00	RM 700.00
Hotspot- Gunting Rambut	RM 600.00	RM 700.00	RM 800.00
Persatuan Kebajikan (Bukan Kerajaan)	-	RM 400.00	-